

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa masih ramai pelajar dalam negara ini yang tidak mampu memiliki komputer untuk mengikuti program pembelajaran atas talian yang terpaksa dibuat disebabkan oleh pandemik COVID-19. Apakah langkah Kementerian untuk mengatasinya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk memastikan semua murid tidak ketinggalan dan dapat mengikuti pembelajaran secara berterusan dalam keadaan selamat sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan pandemik COVID-19. KPM sentiasa berusaha menyediakan akses pembelajaran kepada murid secara dalam talian dan luar talian mengikut kesesuaian guru dan murid.

Namun demikian, KPM menyedari masih wujud jurang digital dalam kalangan murid yang terdiri daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi, sama ada di kawasan bandar, luar bandar ataupun kawasan pedalaman. Berdasarkan Kajian Kesiediaan Murid dalam Pembelajaran Secara dalam Talian yang telah dilaksanakan pada 28 Mac hingga 2 April 2020, masih terdapat 36.9 peratus murid tidak mempunyai sebarang peranti bagi membolehkan mereka mengikuti pembelajaran

secara dalam talian. Kajian ini melibatkan 670,118 responden yang terdiri daripada ibu bapa kepada 893,331 murid.

Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar murid tidak dapat mengikuti pembelajaran secara dalam talian dengan berkesan kerana tidak memiliki peranti bersesuaian. Di samping itu, terdapat juga kekangan dalam akses kepada internet. Keadaan ini menyebabkan pembelajaran tidak dapat berlaku secara menyeluruh dan seragam kepada semua murid.

Walaupun bagaimanapun, setelah sekolah dibuka semula secara berperingkat mulai 24 Jun 2020, semua murid dapat kembali berpeluang mengikuti pembelajaran secara bersemuka. Ini membolehkan murid memaksimumkan masa untuk belajar secara bersemuka bagi mencapai tahap penguasaan minimum dalam setiap mata pelajaran atau sebagai persediaan untuk menduduki peperiksaan.

Apabila berlakunya gelombang ketiga pandemic COVID-19, terdapat sekolah yang terpaksa ditutup semula dan murid perlu meneruskan pembelajaran di rumah. Dalam situasi kali ini, didapati murid dan guru lebih bersedia kerana mereka telah mempunyai pengalaman melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di rumah semasa PKP sebelum ini. Dalam melaksanakan tanggungjawab ini, guru sentiasa komited dan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan murid tidak ketinggalan dalam pembelajaran.

Sebagai langkah meningkatkan keberkesanan pelaksanaan PdP di rumah, KPM telah menyediakan Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Ini adalah sebagai panduan kepada guru dalam melaksanakan PdP secara berstruktur dan terancang supaya murid dapat mengikuti pembelajaran di rumah dengan optimum. Panduan PdPR ini adalah meliputi pelbagai kaedah PdP yang dapat dilakukan dari rumah secara seperti dalam talian (*online*), luar talian (*offline*) atau *off-site*, menggunakan modul pembelajaran dan berasaskan projek.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi membantu kumpulan murid yang tidak mempunyai akses kepada talian internet dan alat peranti yang sesuai untuk pembelajaran secara dalam talian, PdP turut

dilaksanakan melalui siaran TV Pendidikan di saluran TV Okey RTM dan Tutor TV Astro. Di samping itu, terdapat juga guru yang melaksanakan PdP melalui serahan bahan pembelajaran kepada murid dengan pelbagai kaedah mengikut kesesuaian. Murid-murid juga boleh menggunakan buku teks cetak dan buku aktiviti sebagai bahan rujukan dan melaksanakan aktiviti seperti mencatat nota, membuat rumusan atau melukis sesuatu konsep.

Bagi murid yang mengikuti PdP di rumah dan mempunyai peranti serta akses internet pula, KPM menyediakan kemudahan pembelajaran dalam talian melalui platform seperti berikut:

- a) Pelantar pembelajaran digital, iaitu Digital Education Learning Initiative Malaysia (DELIMa). Melalui pelantar ini, murid dan guru boleh akses kepada aplikasi seperti Google Classroom dan Google Meet, Microsoft 365, Apple Teacher Learning Centre, buku teks digital, video PdP, kuiz dan video permainan pembelajaran;
- b) Koleksi video pendidikan melalui pelantar EduwebTV dan CikgooTube bagi perkongsian koleksi video daya usaha kreativiti guru untuk PdP; dan
- c) Program dan aktiviti seperti kelas digital (*e-class*) untuk murid dan webinar bagi guru.

KPM sedang di peringkat akhir merangka strategi pelaksanaan yang komprehensif dalam memperkasa pendidikan digital negara. Ini termasuklah mengambilkira keperluan pemilikan peranti oleh murid dan juga akses internet di sekolah di seluruh negara. Perkara ini adalah antara butiran yang dinyatakan dalam Belanjawan 2021 yang telah dibentangkan pada 6 November 2020.

Sekian, terima kasih.